



---

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
Bilangan 34/2009**

**Permohonan Di Bawah Seksyen 17  
Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98)**

---



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR  
PUTRAJAYA**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2010

**Hak cipta terpelihara.** Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

## **Maklumat Dokumen**

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 34/2009
Disediakan oleh	Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Blok Menara, Wisma Sumber Asli, Presint 4, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Kuala Lumpur
Telefon	03-88712668
Faks	03-88810802
E-mel	skpp@kptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	1 Januari 2010

## Kawalan Versi Dokumen

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan**  
**Bilangan 34/2009**

**Permohonan Di Bawah Seksyen 17 Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955**  
**(Akta 98)**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihatkan Pentadbir Tanah mengenai keadaan-keadaan dalam mana sesuatu permohonan di bawah seksyen 17, Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98) itu boleh dibuat.

2. Subseksyen 17(1) Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, memperuntukkan bahawa:-

“Where it becomes necessary to appoint a new trustee or a new administrator or to make any other or further order or to withdraw a caveat the party interested may make an application to the Collector, in the prescribed form or in any other form which the Collector may permit, and thereupon the Collector shall investigate the matter and cause notice to be given to any other party affected and if the matter is contentious he shall set it down for hearing in the same manner as a petition for distribution under this Act and after the investigation or hearing he shall make such order or to do any other act as may be necessary to give effect to his decision and if necessary shall arrange for the order so far as it relates to land to be registered as may be necessary.”

3. Bagi melaksanakan subseksyen 17(1) di atas, sesuatu pihak boleh membuat permohonan melalui Borang ‘P’ di dalam kes-kes berikut, sekiranya:-

- 3.1 terjumpa sesuatu harta si mati (harta tak alih atau sebaliknya ataupun bahagian si mati itu di dalam pusaka si mati yang lain) yang tidak dimasukkan dalam senarai harta-harta di dalam permintaan asal; atau
- 3.2 perlu digantikan seorang yang telah dilantik sebagai pemegang amanah bagi bahagian waris yang belum dewasa;
- 3.3 didapati mustahak seseorang pentadbir itu digantikan;
- 3.4 perlu ditarik balik kaveat Pendaftar dan diperoleh perintah supaya tanah atau kepentingan diturunkan kepada waris yang telah meningkat umur dewasa;

4. Sekiranya nilai pusaka tambahan tersebut menambahkan jumlah nilaiannya pusaka si mati itu sehingga melebihi had pusaka kecil, maka Pentadbir Tanah hendaklah mengambil tindakan di bawah subseksyen 8(7) Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, dengan memindahkan petisyen tersebut ke Mahkamah Tinggi.

5. Sekiranya harta tak alih ketinggalan adalah lebih besar nilainya dan tidak terletak dalam daerah permohonan awal, Pentadbir Tanah hendaklah memindahkan petisyen itu kepada Pentadbir Tanah di mana nilai harta lebih besar atau memohon kepada Ketua Pengarah Tanah dan Galian atau Pengarah Tanah dan Galian mengikut mana yang berkenaan bagi satu perintah di bawah subseksyen 4(2) Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955.

6. Pentadbir Tanah adalah dinasihatkan bahawa orang-orang yang terlibat di dalam kes-kes yang disebutkan dalam perenggan 3 di atas hendaklah diberitahu supaya membuat permohonan di bawah seksyen 17, Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, dengan seberapa segera.

7. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 18/1980 dengan ini dibatalkan.



**DATO' ABD HALIM BIN AIN**  
**Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan**

No. Fail: JKPTG/101/KPU/779 Jld. 4

Tarikh: 31 Disember 2009